

JENIS-JENIS AYAT DALAM NOVEL SEJAMBAK BAKTI: SATU ANALISIS TEORI UBAH ALFA

RUSYDIAH ABD SALAM
Universiti Kebangsaan Malaysia
deyyasalem910703@gmail.com

HANI MUNIRAH MOHD SUBEHI
Universiti Kebangsaan Malaysia
haniemuya@gmail.com

*NASRUN ALIAS**
Universiti Kebangsaan Malaysia
nursan@ukm.edu.my

**Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan tentang analisis struktur ayat bagi keempat-empat jenis ayat yang ada dalam bahasa Melayu berdasarkan novel *Sejambak Bakti* yang ditulis oleh Rejab F.I. Berdasarkan kajian-kajian lepas berkaitan analisis struktur ayat banyak menggunakan teori Transformasi Generatif yang agak keterbelakang. Kajian ini akan memanfaatkan penggunaan teori Ubah Alfa yang lebih moden untuk menganalisis struktur ayat dalam novel tersebut. Selain itu, kaedah yang digunakan dalam kajian ini iaitu, kaedah kualitatif dan kuantitatif. Teknik analisis teks digunakan bagi mengenal pasti jenis-jenis ayat yang terdapat dalam novel, manakala kaedah kuantitatif terlibat dalam mencari taburan ayat dalam novel. Sebanyak lima muka surat awal, lima muka surat tengah dan lima muka surat akhir dijadikan skop bagi tujuan analisis kajian ini. Ketiga-tiga bahagian tersebut merupakan wakil bagi keseluruhan novel tersebut. Taburan ayat dalam novel tersebut dipaparkan dalam rajah carta pai bagi memudahkan pembacaan. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sebanyak 259 ayat telah dikenal pasti. Jenis ayat yang paling banyak dalam novel tersebut adalah jenis ayat penyata dan jenis ayat yang paling sedikit adalah jenis ayat seruan. Selain itu, analisis struktur ayat juga menampakkan berlakunya banyak proses transformasi bagi ayat-ayat tersebut. Antara proses transformasi yang berlaku termasuklah proses pengguguran, proses penyusunan semula dan proses peluasan. Oleh itu, diharap kajian ini membantu dalam memberi idea bagi kajian-kajian akan datang dalam menggunakan teori Ubah Alfa serta kajian menggunakan teks-teks lama. Hal ini kerana, tidak banyak pengkaji yang menggunakan teks lama sebagai bahan kajian teori Ubah Alfa.

Kata kunci: bahasa Melayu; jenis ayat; sintaksis; teori Transformasi Generatif; teori ubah alfa

TYPES OF SENTENCES IN THE NOVEL SEJAMBAK BAKTI: AN ANALYSIS BASED ON MOVE-ALPHA THEORY

ABSTRACT

This study focuses on the analysis of sentence structure for the four types of sentences in the Malay language based on the novel *Sejambak Bakti* written by Rejab F.I. Based on past studies related to the analysis of sentence structure many use the theory of Generative Transformation which is quite backward. This study will make use of the more modern Move Alpha theory to analyse the sentence structure in the novel. In addition, a combination of qualitative and quantitative methods was used in this study. Text analysis techniques are used to identify the types of sentences found in the novel, while quantitative methods are involved in finding the distribution of sentences in the novel. A total of five initial pages, five middle pages and five final pages are used as scope for the purpose of analysis of this study. The three parts are representative of the entire novel. The distribution of sentences in the novel is displayed in a pie chart diagram to facilitate reading. The results of this study show that a total of 259 verses have been identified. The most types of sentences in the novel are declarative sentences and the least type of sentences are exclamatory sentences. In addition, the analysis of the sentence structure also shows the occurrence of many transformation processes for the sentences. Among the transformation processes that take place include the process of deletion, the process of rearrangement and the process of expansion. Therefore, it is hoped that this study will help in giving ideas for future studies in using the Move Alpha theory as well as an analysis using old manuscripts. This is because there are not many researchers who use old manuscripts as study materials using Move Alpha theory.

Keywords: Malay language; type of sentence; syntax; Transformational Generative theory; move alpha theory

PENDAHULUAN

Ilmu linguistik merupakan satu bidang ilmu yang mengkaji bahasa. Kajian yang berkaitan dengan bidang linguistik ini telah lama dijalankan oleh ahli-ahli linguistik di dunia. Menurut M. Syahrin Effendi (2012), linguistik merupakan ilmu mengenai bahasa, ilmu yang mengkaji, menelaah atau mempelajari bahasa secara umum yang merangkumi bahasa daerah, bahasa Indonesia atau bahasa asing. Sintaksis merupakan salah satu bidang kajian linguistik. Menurut Abdullah Hassan et al. (2006), bidang sintaksis merupakan satu cabang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan ayat. Secara amnya, pembentukan ayat yang terdiri daripada kata, frasa dan klausa ini dikaji dalam bidang ilmu sintaksis. Terdapat banyak teori yang boleh digunakan oleh pengkaji bahasa bagi tujuan menganalisis bahasa. Teori terawal iaitu teori Struktural yang kemudiannya membawa kepada kemunculan teori baharu seperti teori Transformasi Generatif dan terkini Program Minimalis. Teori-teori ini mempunyai kelebihan dan kekurangannya yang tersendiri. Hal ini demikian kerana, teori Transformasi Generatif (TG) ini mengalami banyak perubahan dan dalam usia menghampiri setengah abad teori ini telah banyak melalui penambahbaikan bagi tujuan pemantapan. Pada dasarnya walaupun kedua-dua teori ini bernaung di bawah satu kerangka generatif yang sama, namun setiap pendekatan tersebut didapati mempunyai deskripsi dan analisis yang berbeza-beza dan melalui tahap-tahap perkembangan sejajar dengan arus peredaran zaman dan tuntutan perkembangan ilmu linguistik (Kartini, 2013). Oleh itu, kajian ini telah mengaplikasikan salah

satu teori yang terdapat dalam teori Transformasi Generatif iaitu teori Ubah Alfa bagi menghuraikan jenis pembentukan ayat dalam novel *Sejambak Bakti*.

Penggunaan novel sebagai instrumen dalam kajian ini juga memberikan dapatan kajian yang berbeza berbanding kajian sintaksis yang lain. Novel merupakan satu prosa moden dalam bidang sastera. Menurut Mohammad Fadzeli Jaafar (2016), prosa merupakan sejenis penulisan yang bersandarkan teknik penceritaan seperti dialog dan naratif. Terdapat dua konsep prosa dalam kesusasteraan Melayu iaitu 'prosa Melayu lama' atau 'prosa klasik' dan 'prosa moden'. Prosa klasik diwakili oleh cerita berbentuk hikayat, manakala prosa moden terdiri daripada cerpen dan novel. Kajian mengenai novel sering digunakan oleh pengkaji dalam bidang bahasa ataupun sastera. Namun begitu, pengkaji dalam bidang sastera dilihat lebih banyak menggunakan novel. Hal ini dapat dibuktikan melalui jumlah penelitian yang dibuat. Antara kajian yang dibuat dengan menggunakan novel adalah mengenai watak dan perwatakan, tema, persoalan dan sebagainya yang berkaitan dengan sastera.

Novel yang menjadi instrumen dalam kajian ini adalah novel karya Rejab F.I yang bertajuk *Sejambak Bakti*. Pemilihan novel ini sebagai instrumen dalam kajian adalah kerana penulis novel merupakan seorang penulis yang banyak menerima anugerah. Antara anugerah berkaitan sastera yang telah diterima oleh Rejab F.I adalah Hadiah Sastera Nasional pada tahun 1971 dan 1972, Hadiah Sastera Esso-GAPENA 1985 dan Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank pada tahun 1994, 1995, 1996, 1997 dan 1999. Selain anugerah yang berkaitan sastera, Rejab F.I juga telah mendapat Pingat Jasa Kebaktian (PJK) pada tahun 1974 dan Pingat Ahli Mahkota Perlis (AMP) pada tahun 1987 daripada kerajaan negeri Perlis. Selain itu, beliau juga dianugerahi Pingat Setia Mahkota Perlis (SMP) pada tahun 2002 daripada Duli Yang Maha Mulia TuankuRaja Perlis. Selain itu, Rejab F.I juga telah melibatkan diri dalam penulisan cerpen. Antara cerpen yang telah ditulis oleh beliau adalah cerpen yang bertajuk "Sebuah Kampung di Daerah Pendalaman" tahun 1970, "Suatu Subuh yang Bening" tahun 1980 dan "Memori Kehidupan" pada tahun 1989. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa, Rejab F.I merupakan antara penulis sastera yang telah menghasilkan pelbagai karya dan mendapat pelbagai anugerah.

Novel yang bertajuk *Sejambak Bakti* ini merupakan novel yang diterbitkan pada tahun 1988 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Novel ini juga telah dijadikan Novel Komponen Sastera (KOMSAS) oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bagi pelajar tingkatan satu yang belajar di sekolah di negeri Johor, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan bermula dari tahun 2015. Namun begitu, novel asal dipilih dalam kajian ini agar keaslian hasilnya dapat dikecapi. Novel yang mempunyai 26 bab dan 158 muka surat ini mengisahkan tentang seorang pelajar lelaki yang bernama Razali dan rakan-rakannya menjadi ahli lembaga koperasi di sekolah mereka iaitu Sekolah Menengah Teknik Pertanian Seri Kayangan. Terdapat beberapa konflik yang hebat dan menarik dihadapi oleh Razali iaitu watak utama dalam novel tersebut telah dinukilkan oleh penulis.

Fokus bagi kajian ini adalah jenis ayat yang terdapat dalam novel *Sejambak Bakti*. Terdapat beberapa pandangan mengenai jenis ayat yang telah dihujahkan oleh tokoh-tokoh linguistik. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2008), ayat bahasa Melayu boleh dibahagikan kepada empat jenis iaitu jenis ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan juga ayat seruan. Ayat penyata merupakan ayat yang diucapkan bagi membuat pernyataan. Ayat ini diujarkan bagi menyatakan atau memberikan keterangan tentang sesuatu hal. Ayat penyata ini juga dikenali sebagai *ayat berita* dan *ayat keterangan*. Jenis ayat yang seterusnya ialah ayat tanya merupakan ayat yang digunakan bagi menanyakan sesuatu hal. Terdapat dua lagi jenis di bawah ayat tanya iaitu, ayat tanya tanpa kata tanya dan juga ayat tanya dengan unsur tanya.

Selain itu, *Tatabahasa Dewan* juga menyatakan tentang jenis ayat perintah. Dalam buku tersebut ayat perintah merupakan ayat yang diucapkan untuk memberikan arahan atau bertujuan

menimbulkan suatu tindakan. Di bawah jenis ayat perintah juga terdapat empat lagi jenis iaitu ayat perintah jenis permintaan, ayat perintah jenis silaan, ayat perintah jenis larangan dan juga ayat perintah jenis suruhan. Jenis ayat terakhir yang dinyatakan oleh Nik Safiah Karim et al. (2008) adalah ayat seruan. Ayat seruan merupakan yang dituturkan dengan membawa nada atau intonasi seruan bagi mewujudkan suatu keadaan perasaan seperti takut, marah, takjub, geram, sakit dan sebagainya. Intonasi seruan tersebut digambarkan dalam tulisan dengan meletakkan tanda seru (!) yang biasanya terletak di akhir ayat.

Oleh itu, kajian ini memfokuskan tentang jenis ayat yang terdapat dalam novel *Sejambak Bakti*. Jenis-jenis ayat yang dikenal pasti akan dikelaskan mengikut jenis ayat dan struktur ayat akan dianalisis berdasarkan teori Ubah Alfa yang telah diperkenalkan oleh Chomsky. Pengenalan yang dilakukan dalam bahagian ini adalah satu perkara yang penting kerana ianya dapat memberi gambaran kepada pembaca sebelum menelusuri penulisan ini dengan lebih dalam.

PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian ini merupakan satu isu yang merupakan fokus bagi sesebuah kajian. Permasalahan kajian ini juga memberi peluang kepada pengkaji baharu dan pembaca dalam memperoleh ilmu yang baru. Menurut Zamri Mahamod dan Yahya Othman (2016), pernyataan masalah merupakan isu utama atau masalah yang perlu difokuskan oleh pengkaji dalam sesebuah kajian. Oleh itu, permasalahan kajian yang ingin diutarakan dalam makalah ini ialah kurangnya kajian yang dibuat oleh ahli linguistik bahasa Melayu sebelum ini tentang jenis ayat dalam novel. Walaupun kajian mengenai jenis ayat telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas tetapi, tidak banyak kajian yang memfokuskan tentang jenis ayat dalam novel. Terdapat beberapa kajian lepas yang lebih fokus kepada satu jenis ayat. Sebagai contoh, terdapat kajian jenis ayat tanya, tetapi ia lebih fokus kepada makna ayat tanya tersebut. Disebabkan kurangnya kajian lepas tentang jenis ayat dalam novel, ianya secara tidak langsung telah menimbulkan kelompangan kajian lepas dan menyukarkan proses untuk mendapatkan bahan rujukan terkini bagi kajian ini.

Kajian yang dilakukan ini merupakan satu kajian yang menganalisis penggunaan jenis ayat dalam novel *Sejambak Bakti*. Novel tersebut merupakan prosa moden dalam sastera Melayu. Kajian mengenai jenis ayat telah banyak diadakan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Namun begitu, tidak banyak kajian yang dibuat oleh ahli linguistik bahasa Melayu tentang jenis ayat dalam novel. Terdapat beberapa kajian lepas yang lebih fokus kepada satu jenis ayat. Sebagai contoh, terdapat kajian jenis ayat tanya, tetapi ia lebih fokus kepada makna ayat tanya (Siti Salbiah Alias et al., 2017). Sepertimana yang telah dinyatakan, kebanyakan kajian bidang sintaksis yang menggunakan novel sebagai bahan kajian ini lebih cenderung untuk mengkaji binaan ayat yang memiliki susunan yang biasa, iaitu ayat didahului dengan konstituen subjek dan diikuti konstituen predikat di samping analisis struktur ayat pasif yang dilihat mempunyai isu dan permasalahan yang boleh dibangkitkan dalam sesuatu kajian (Hanis Nadiah, 2021). Namun begitu, penyelidikan yang mengetengahkan analisis empat jenis ayat bahasa Melayu sebagai fokus kajian pula adalah amat sukar untuk ditemukan. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh limitasi fokus kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji lepas. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan kosa ilmu kajian lepas yang membincangkan tentang analisis ayat adalah sangat kurang dan sukar untuk ditemukan.

Selain itu, permasalahan kedua yang dapat dinyatakan ialah mengenai penggunaan kerangka teori yang agak lama. Hal ini dapat dilihat berdasarkan kosa ilmu lepas yang menganalisis struktur ayat dengan menggunakan teori Transformasi Generatif yang sudah lama. Dalam kajian ini, penggunaan teori yang lebih moden telah digunakan iaitu, teori Ubah Alfa.

Penerapan teori yang lebih moden ini dapat memberikan penghuraian analisis hasil kajian yang lebih baik dan terdapat kelainan daripada kajian yang lepas. Hal ini dapat ditunjukkan seperti kajian yang dilakukan oleh pengkaji lepas mengenai ayat perintah dalam novel *Kabus Di Perbukitan* (Siti Mahani et al. 2014). Kajian ini telah menggunakan Rumus Transformasi sebagai kerangka teorinya. Rumus Transformasi ini merupakan antara rumus yang sudah lama digunakan oleh ahli sintaksis. Apa yang menjadi kepentingan bagi kajian ini adalah penggunaan teori Ubah Alfa yang sedikit moden berbanding Rumus Transformasi. Dengan adanya kajian yang menganalisis struktur semua jenis ayat menggunakan teori Ubah Alfa ini sedikit sebanyak dapat dijadikan bahan rujukan terkini bagi pengkaji-pengkaji yang akan datang lebih-lebih lagi kepada pengkaji bidang sintaksis. Hal ini demikian kerana, tidak banyak kajian yang menggunakan teori Ubah Alfa bagi menganalisis struktur ayat.

Oleh itu, setiap isu yang timbul bagi sesebuah kajian haruslah dibincangkan bagi menutup dan menambahbaik kelompangan-kelompangan kajian lepas. Hal ini secara langsung dapat mewujudkan ilmu baharu dalam bidang yang dikaji.

SKOP KAJIAN

Menurut Asmah (2008), setiap kajian yang dilakukan haruslah diletakkan matlamat, yakni membuat keputusan isu yang hendak dikaji dalam sesebuah kajian (dalam Nasrun Alias & Rusydiah Abd Salam, 2018). Kajian ini bertujuan untuk menganalisis struktur ayat dalam novel *Sejambak Bakti* secara terperinci dengan menggunakan teori Ubah Alfa. Kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini adalah berdasarkan teori dan tujuan yang berbeza. Antara pendekatan yang digunakan dalam kajian lepas termasuklah Teori Rumus

Transformasi. Kajian ini tidak menggunakan teori yang digunakan oleh kajian yang lepas. Walau bagaimanapun, kajian yang lepas tersebut masih dijadikan bahan rujukan dalam kajian ini. Teori Ubah Alfa yang digunakan dalam kajian ini diperkenalkan oleh Noam Chomsky bagi memperbaiki masalah yang berlaku dalam Rumus Struktur Frasa (RSF). Menurut Amir Hatin & Nasrun Alias (2018), Mashudi Kader merupakan pelopor teori ini di Malaysia. Menurutnya lagi, Teori Ubah Alfa bersifat lebih terkawal berbanding RSF dan setiap pergerakan nodus dalam sesebuah ayat itu haruslah bersandarkan alasan yang telah ditetapkan. Pendekatan ini telah digunakan bagi menganalisis struktur ayat perintah yang terdapat dalam novel *Sejambak Bakti*. Teori atau pendekatan kajian adalah satu aspek yang perlu dititikberatkan. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap kajian memerlukan panduan yang tertentu bagi mendapatkan hasil kajian yang intelektual.

Di samping itu, penggunaan teori yang lebih moden dan baharu dalam kajian ini berbanding dengan teori lama yang digunakan oleh pengkaji lepas akan memberi penambahbaikan dalam hasil dapatan kajian. Hal ini demikian kerana, teori tersebut telah mengalami dan dibuat pembaharuan bagi tujuan pemantapan yang akan menghasilkan dapatan kajian yang lebih berpada berbanding dapatan teori yang lama.

Selain itu, penetapan batasan bahagian yang terdapat dalam novel untuk dijadikan data bagi kajian ini turut dilakukan. Walaupun telah melakukan pembacaan bahan kajian ini daripada awal sampai akhir muka surat, tidak semua isi yang ada dalam novel ini dimuatkan dalam kajian. Kajian ini hanya memilih tiga bahagian utama dalam novel tersebut. Tiga bahagian yang telah dipilih ini merupakan wakil keseluruhan bagi novel. Bahagian yang telah dipilih dalam kajian ini adalah lima muka surat dalam bahagian awal novel, lima muka surat pada bahagian pertengahan novel dan juga lima muka surat pada bahagian akhir novel. Sebagai contoh, kajian ini memilih lima muka surat bagi bab 1, lima muka surat bagi bab 8 dan juga lima muka surat dalam bab 26.

METODOLOGI KAJIAN

Data kajian merupakan aset terpenting dalam sesebuah kajian. Tanpa adanya data, sesuatu kajian tidak akan berjaya mencapai matlamatnya. Dalam bidang penyelidikan, terdapat dua jenis data yang wujud iaitu data primer dan data sekunder. Data primer adalah data asli atau data mentah yang diperoleh daripada sumber pertama misalnya melalui kajian lapangan. Data sekunder pula adalah data yang telah diolah dan bukan terhasil daripada kajian lapangan. Data ini biasanya diperoleh melalui kajian kepustakaan.

Menurut Sulaiman Masri (2005), pengumpulan data merupakan proses pengumpulan pemboleh ubah dan penyelidik akan menentukan prosedur, teknik serta aspek pengumpulan data yang sesuai dengan kajiannya. Kaedah pengumpulan data yang sesuai sangat perlu bagi memastikan data yang diperoleh tepat dan sesuai dengan tujuan kajian dilakukan. Lazimnya, penggunaan satu kaedah sahaja tidak memberi gambaran yang sebenarnya mengenai sesuatu persoalan kajian. Oleh yang demikian, pengkaji perlu menggunakan beberapa kaedah pengumpulan data yang sesuai untuk mendapat maklumat dan data tentang persoalan kajian.

Bagi kaedah pengumpulan data, kajian ini telah memilih kaedah analisis teks dan juga kepustakaan. Melalui kaedah analisis teks, kajian ini akan menganalisis jenis ayat yang digunakan dalam novel *Sejambak Bakti*. Untuk kaedah kepustakaan pula, kajian ini telah menggunakan laman internet bagi mendapatkan maklumat tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan kajian. Terdapat pelbagai jurnal, makalah dan artikel yang terdapat di dalam internet. Bahan rujukan tersebut didapatkan secara atas talian. Di samping itu, kajian ini telah menggunakan reka bentuk gabungan untuk kaedah penganalisan data. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian ini telah menggabungkan kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Untuk kaedah kuantitatif, penggunaan kaedah ini dijalankan bagi mendapatkan kekerapan penggunaan jenis ayat yang terdapat dalam novel *Sejambak Bakti*. Bagi kaedah kualitatif pula, penggunaan kaedah ini dilakukan bagi menganalisis jenis-jenis ayat dalam novel tersebut.

Tahap yang terakhir ialah kaedah pemaparan data. Setelah proses pengumpulan dan penganalisan data dilakukan, maka kesemua data ini akan disajikan dalam bentuk yang sistematik. Pemaparan data yang baik membantu mewujudkan kajian yang menarik. Pemaparan data yang sistematik dapat membantu dan memudahkan pembaca memahami kajian dengan lebih jelas. Data-data ayat kajian pengkaji ini akan dipaparkan dalam bentuk jadual. Misalnya, data ayat penyata disusun mengikut jenisnya. Dua jenis paparan iaitu, jadual dan rajah telah digunakan dalam kajian ini. Paparan rajah dan jadual digunakan untuk menunjukkan kekerapan setiap jenis ayat. Selain itu, rajah juga digunakan bagi menghasilkan dapatan kajian analisis struktur ayat yang digunakan oleh penulis novel tersebut.

Menurut Sugiyono (2019) dalam penelitian kualitatif, data boleh dilakukan dalam bentuk huraian singkat, bagan, hubungan antar kategori, *flowchart* dan sejenisnya. Dengan menyajikan data, maka akan memudahkan untuk memahami apa yang terjadi, merencanakan kerja selanjutnya berdasarkan apa yang telah difahami tersebut. Apa-apa paling sering digunakan untuk menyajikan data dalam penelitian kualitatif adalah dengan teks yang bersifat naratif.

Terdapat beberapa cara yang terdapat dalam kajian ini bagi menandakan data iaitu dengan mengenal pasti ayat yang mengalami pengguguran. Antara contoh ayat tersebut adalah 'Nanti saya suruh (pembantu pejabat sekolah-ø) panggil mereka ke sini.'. Hal ini ini dikatakan demikian kerana, terdapat bahagian- bahagian atau unsur-unsur ayat yang mengalami pengguguran daripada ayat tersebut seperti predikat frasa nama inti yang menjadikan ayat ini seperti tergantung. Walau bagaimanapun, perkataan-perkataan yang hilang itu ditandakan dalam kurungan. Di samping itu, kajian ini juga menggunakan sistem koding yang tersendiri bagi setiap ayat dalam novel yang dirujuk. Sebagai contoh, 'Pembantu kedai koperasi itu digaji khas

untuk menguruskan kedai tersebut.’ Sistem koding yang terdapat dalam kurungan selepas ayat merujuk kepada di mana ayat itu berada dalam novel. Dalam contoh ayat yang diberikan, 1 merupakan bab dalam novel, manakala 4 merupakan halaman novel tersebut. 14 pula merujuk kepada ayat ke berapa dalam muka surat tersebut.

TINJAUAN LITERATUR

Dalam tinjauan kosa ilmu ini, pengkaji telah menemui beberapa kajian lepas yang relevan dengan kajian. Dua aspek besar yang menjadi penelitian pengkaji lepas ialah berkaitan aspek sintaksis yang merangkumi pelbagai topik kajian dan bahan sastera sebagai instrumen kajian.

Kajian Mengenai Aspek Sintaksis

Tinjauan kajian lepas telah menemukan beberapa kajian yang dijalankan berdasarkan bidang sintaksis. Terdapat pelbagai jenis kajian sintaksis yang telah dijalankan termasuklah berkaitan ayat pasif, ayat songsang, jenis ayat dan sebagainya.

Nik Safiah Karim et al. (2008) telah mengelaskan jenis ayat kepada empat jenis iaitu, ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan juga ayat seruan. Keempat-empat jenis ayat tersebut dikelaskan dengan membezakan penanda-penanda tertentu. Ayat penyata di dalam *Tatabahasa Dewan* ditakrifkan sebagai ayat yang diucapkan dengan maksud membuat satu pernyataan. Ianya juga bertujuan menyatakan atau memberikan keterangan tentang sesuatu hal. Ayat tanya merupakan ayat yang digunakan untuk menanyakan sesuatu hal. Bagi ayat perintah pula, para penulis mentakrifkan sebagai ayat yang diucapkan untuk menimbulkan sesuatu tindakan. Ayat perintah merupakan ayat yang ditujukan kepada orang kedua. Akan tetapi, terdapat juga ayat perintah yang melibatkan orang pertama dan orang ketiga. Ayat yang terakhir iaitu ayat seruan diucapkan dengan membawa nada atau intonasi seruan supaya dapat melahirkan sesuatu keadaan perasaan seperti takut, marah, takjub dan sebagainya.

Asmah Haji Omar (2015) juga telah menghuraikan jenis ayat dalam bukunya yang bertajuk *Nahu Melayu Mukhtakhir*. Terdapat empat juga jenis ayat dalam bukunya iaitu, ayat berita atau penyata, ayat tanya, ayat perintah dan juga ayat seruan. Namun begitu, terdapat perbezaan pendapat dari segi jenis ayat perintah antara Nik Safiah Karim dengan Asmah Haji Omar. Menurut Asmah Haji Omar lagi, ayat perintah dibahagikan kepada dua subsistem iaitu, *perintah eksklusif* dan *perintah inklusif*. Selain itu, terdapat juga orang pertama dan ketiga yang terlibat dalam ayat perintah. Melalui buku tersebut, dapat kita ketahui bahawa ujaran yang diberi contoh oleh penulis adalah ujaran-ujaran yang biasa dipertuturkan oleh penutur bahasa Melayu.

Seterusnya, Ahmad Khair Mohd Nor (2003) berpendapat bahawa apabila sesuatu ayat itu dipandang dari segi jenis tindak balas yang diharapkan daripada ujaran tertentu, maka ayat dapat dibahagikan kepada empat jenis ayat iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan juga ayat seruan. Keempat-empat jenis ayat itu adalah jenis ayat yang didasarkan pada intonasi dan makna yang dinyatakan oleh ayat tersebut. Pentakrifan jenis ayat dalam buku ini tidak jauh beza dengan pentakrifan yang terdapat dalam *Tatabahasa Dewan* (2008) dan juga *Nahu Melayu Mukhtakhir* (2015).

Siti Mahani Angterian, Hasnah Mohammad dan Raja Masittah Raja Ariffin (2014) pula, telah menggunakan novel sebagai bahan kajian dan telah memfokuskan tentang ayat perintah. Selain itu, pengkaji tersebut telah menganalisis data secara kualitatif dan kuantitatif di mana analisis kuantitatif digunakan untuk mencari kekerapan penggunaan ayat perintah dalam novel, manakala analisis kualitatif digunakan bagi mencari jenis-jenis ayat perintah yang terdapat dalam novel tersebut. Kajian tersebut juga berjalan dengan menerapkan teori Transformasi

Generatif. Melalui teori ini, didapati bahawa aspek sintaksis iaitu ayat menjadi tumpuan dalam kajian ini. Hasil daripada kajian tersebut mendapati bahawa antara ayat perintah yang kerap digunakan dalam novel tersebut ialah ayat perintah jenis suruhan, larangan dan permintaan. Pengkaji tersebut menyatakan bahawa kewujudan jenis ayat perintah yang lain tidak dinafikan walaupun tidak semua jenis ayat perintah digunakan dalam novel tersebut.

Kajian yang dijalankan oleh Amir Hatin dan Nasrun Alias (2018) yang bertajuk *Struktur Pasif Dalam Hikayat Hang Tuah: Kajian Berdasarkan Teori Ubah Alfa* telah menemukan pola ayat pasif dalam teks lama tersebut. Antara pola ayat pasif yang ditemukan dalam teks lama tersebut ialah struktur pasif dengan imbuhan di-, ter-, ber-, Kata Ganti Diri (KGD) dan juga katakerja tanpa imbuhan pasif. Pengkaji tersebut juga menyatakan beberapa struktur pasif yang terdapat dalam teks lama tersebut sudah tidak didapati pada hari ini seperti struktur pasif [(maka) + (Subjek) + di-K(-kan) + (oleh) + FN], [K. Hubung + FN + di- K + FN], [maka + (subjek) + di-K-i + (oleh) + FN] serta beberapa struktur pasif yang lain. Kajian ini merupakan antara kajian yang berkaitan dengan bidang sintaksis yang dilakukan pada bahan yang berunsurkan sastera.

Kajian oleh Cahyo Hasanudin (2018) juga merupakan kajian yang berunsurkan sintaksis dalam novel yang dikajinya. Pengkaji tersebut telah mendeskripsikan bentuk frasa, bentuk klausa dan juga bentuk kata pada novel *Sang Pencuri Warna* karya Yersita. Pengkaji tersebut juga tertarik untuk menjalankan kajian sintaksis pada novel tersebut kerana keindahan kata-kata yang terdapat dalam novel tersebut disusun secara rapi dan komunikatif. Selain itu, hasil kajian tersebut telah menunjukkan bahawa adanya bentuk frasa berdasarkan hubungan antara unsur dan unsur inti jenis kata. Pengkaji itu juga menemukan bahawa terdapat bentuk klausa positif dan negatif dalam novel tersebut. Penemuan terakhir dalam kajian tersebut pula adalah terdapatnya kalimat berdasarkan pengucapan, struktur gramatikal, fungsi atau isi, susunan, gaya penyajian (retorik) dan juga subjek. Jelaslah bahawa, kajian yang dijalankan oleh Cahyo Hasanudin tersebut merupakan kajian yang berasaskan sintaksis pada komponen sastera iaitu, novel.

Di samping itu, terdapat juga kajian yang meneliti makna ayat tanya dalam novel seperti kajian yang dijalankan oleh Siti Salbiah Alias et al. (2017). Seperti yang diketahui, ayat tanya terangkum dalam empat jenis ayat bahasa Melayu. Dalam kajian tersebut, pengkaji telah memfokuskan b e r k a i t a n kepelbagaian jenis dan makna ayat tanya yang terdapat dalam novel yang dikaji. Di samping itu, kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian tersebut adalah kaedah analisis teks iaitu dengan menganalisis novel *Lanteras Mustika* (2017) bagi mendapatkan data ayat tanya. Kajian yang dijalankan tersebut telah mendapatkan hasil kajian yang memuaskan. Hasil daripada analisis kajian mendapati bahawa ayat tanya dalam konteks wacana mempunyai kepelbagaian makna dan fungsi, bukan sekadar ayat tanya yang hanya terdiri daripada bentuk dan jenis-jenisnya sahaja. Oleh itu, kajian ini menambahkan lagi pemahaman pembaca tentang ayat tanya dan maknanya.

Kajian Mengenai Aspek Sastera

Terdapat beberapa kajian lepas yang telah meneliti bidang sastera. Kebanyakan kajian tersebut menggunakan bahan sastera seperti novel sebagai bahan kajian. Antara kajian lepas yang berkaitan dengan bidang sastera yang menjadi topik kajian seperti, analisis stilistik, watak dan perwatakan, semantik leksikal, kiasan, polisemi dan sebagainya lagi.

Kajian yang menggunakan komponen sastera sebagai instrumen kajian dapat dilihat seperti dalam kajian yang dijalankan oleh tiga orang pengkaji iaitu, Mohd Khairul Adenan, Florence Gilliam Kayad dan Muhammad Zaid Daud (2018). Melalui kajian tersebut, penggunaan bahasa dalam novel *Nasi Kangkang* karya Azwar Kamaruzaman telah dianalisis. Antara faktor pengkaji tersebut memilih novel *Nasi Kangkang* adalah kerana terdapat banyak

penggunaan slanga, dialek utara, hiperbola dan simile yang digunakan oleh penulis novel tersebut. Di samping itu, pengkaji tersebut memilih novel *Nasi Kangkang* sebagai instrumen kajian kerana novel tersebut mempunyai sifat-sifat yang dekat dengan kehidupan masyarakat Melayu. Selain itu, novel sastera Indie mempunyai gaya bahasanya yang tersendiri yang menyebabkan ianya menarik untuk dijadikan instrumen kajian. Kaedah kualitatif telah digunakan bagi tujuan menganalisis dokumen atau teks dalam novel indie *Nasi Kangkang*. Selain itu, teori stilistik JJ Webber (1989) telah diterapkan oleh pengkaji tersebut dalam kajiannya. Teori tersebut digunakan bagi mencari bagaimana pemakaian dan penggunaan bahasa dalam novel *Nasi Kangkang* karya Azwar Kamaruzaman dengan menganalisis fungsi penggunaan aspek diksi atau perkataan yang digunakan dalam novel tersebut. Hasil daripada kajian tersebut mendapati bahawa penggunaan aspek diksi seperti slanga, dialek dan bahasa asing yang digunakan oleh penulis novel dapat memberi fungsi dalam novel tersebut seperti meralitikan latar-latar, mengenal pasti perwatakan dan mewujudkan kesan kepada watak. Pengkaji tersebut juga menyatakan bahawa kajian yang dijalankan olehnya dapat memberi maklumat tentang definisi sastera Indie serta bagaimana gaya bahasa yang digunakan dalam karya-karya Indie.

Dalam kajian Siti Khariah Mohd Zubir & Nur Denna Samsudin (2016), telah memfokuskan tentang analisis watak dan perwatakan yang terdapat dalam novel *Sejambak Bakti*. Terdapat tiga objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji tersebut. Objektif pertama bagi kajian tersebut adalah untuk mengenal pasti watak dan perwatakan dalam novel *Sejambak Bakti*. Objektif yang kedua pula adalah untuk menjelaskan watak dan perwatakan manakala, objektif yang ketiga bagi kajian tersebut adalah menganalisis novel menggunakan teori Psikoanalisis Sigmund Freud. Terdapat dua istilah dalam teori yang dinyatakan tersebut iaitu Id, Ego dan juga Superego. Bagi dapatan kajian pula, pengkaji telah menghuraikan tentang watak utama, menjelaskan watak sampingan dan menganalisis watak dan perwatakan dalam novel *Sejambak Bakti* menggunakan unsur id, ego dan superego yang terdapat dalam teori Psikoanalisis Sigmund Freud. Pengkaji juga telah menganalisis watak dan perwatakan yang terdapat dalam novel *Sejambak Bakti* dengan lengkap dan terperinci.

Seterusnya, dalam kajian yang dijalankan oleh Siti Farida Salleh et al. (2020) ini, mereka telah meneroka makna di sebalik novel yang bertajuk *Sangkar* dengan menggunakan analisis kualitatif iaitu analisis teks serta pendekatan kuantitatif mudah untuk mendapatkan kekerapan dan peratusan leksikal yang terdapat dalam novel tersebut. Pendekatan yang digunakan dalam kajian tersebut adalah pendekatan semantik leksikal dan ianya membantu pengkaji tersebut mengelaskan jenis leksikal kepada sinonim, antonim, hiponim, polisimi, homonim, homofon, homograf, metonim dan meronim. Daripada keseluruhan kajian tersebut, dapat disimpulkan bahawa pendekatan semantik leksikal membolehkan pelbagai golongan leksikal yang berbeza dikelaskan dalam golongan makna yang sama. Melalui kajian ini, cara pengkaji tersebut mengelaskan golongan leksikal tersebut boleh dirujuk. Oleh itu, cara untuk mengklasifikasikan jenis-jenis ayat dalam kajian ini boleh diaplikasikan.

Kajian yang dijalankan oleh Nohidayu dan Zaitul Azma (2017) berteraskan bidang pragmatik. Instrumen kajian yang digunakan oleh dua pengkaji tersebut ialah novel. Perkara ini adalah sama dengan bahan kajian yang digunakan dalam kajian ini. Pengkaji tersebut menjalankan kajian itu bagi menjawab objektif kajian iaitu mengenal pasti jenis kiasan yang terdapat dalam novel dan menganalisis makna kiasan menggunakan Teori Relevan. Selain itu, kajian tersebut telah menggunakan kaedah analisis teks. Persamaan kaedah yang digunakan oleh pengkaji tersebut dengan kajian ini adalah salah satu perkara yang menyebabkankajian ini menjadikan kajian tersebut sebagai kosa ilmu. Selain kaedah analisis teks, kajian tersebut juga

menggunakan kaedah kepustakaan bagi mendapatkan bahan rujukan bercetak seperti buku rujukan, artikel jurnal, kertas kerja dan majalah akademik yang berkaitan dengan bidang kajian tersebut.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa beberapa persamaan dapat dikenal pasti dalam kajian tersebut jika dibandingkan dengan kajian yang dijalankan ini. Antara persamaannya adalah kedua-dua pengkaji menggunakan bahan sastera iaitu novel sebagai bahan kajian. Selain itu, kedua-dua pengkaji juga menggunakan kaedah kajian yang sama iaitu, kaedah kepustakaan dan juga kaedah analisis teks. Kedua-dua pengkaji memilih teori yang bertepatan dengan kajian yang dijalankan.

Kajian yang dijalankan oleh Norfazila Ab. Hamid (2014) ini merupakan sebuah kajian dalam bidang semantik dan pragmatik. Kajian tersebut dijalankan untuk mencari makna bagi perkataan yang terdapat dalam novel tersebut. Pengkaji telah menggunakan bahan sastera sebagai bahan kajian iaitu novel untuk mengkaji polisemi kata hubung 'dengan' yang terdapat dalam novel tersebut. Kajian tersebut menghuraikan fungsi kata hubung 'dengan' dalam ayat berlandaskan teori Relevan. Teori tersebut digunakan kerana ianya mampu mengaitkan maklumat linguistik dan pragmatik.

Dalam bahagian dapatan kajian, kajian tersebut telah berjaya membuktikan bahawa maklumat pragmatik dapat membantu makna sesuatu ayat bahasa semula jadi diinterpretasi dengan tepat oleh pendengar sama seperti makna yang dihajati oleh penutur. Di samping itu, pengkaji tersebut menegaskan tentang kepentingan penggabungan ilmu linguistik dan maklumat yang ada dalam ilmu pragmatik bagi memantapkan lagi penginterpretasian makna. Kajian ini juga menunjukkan bahawa kata hubung 'dengan' bukan sahaja bertindak sebagai kata hubung tetapi, juga boleh berfungsi sebagai perkara yang menginterpretasikan makna. Oleh itu, berlandaskan teori Relevan yang digunakapakai dalam kajian ini maka, ia mampu menghuraikan makna dengan tepat, jelas dan sistematik sebagaimana yang diinginkan oleh penutur.

Kesimpulannya, kesemua kosa ilmu ini membantu pengkaji dalam mendapatkan bahan rujukan berkaitan kajian yang dijalankan khususnya. Dengan merujuk kajian-kajian lepas ini juga secara tidak langsung memberikan idea-idea dan isu yang boleh ditimbulkan dalam kajian pengkaji untuk dikaji.

KERANGKA TEORI

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan teori Ubah Alfa untuk penganalisan struktur ayat. Teori Ubah Alfa ini telah diperkenalkan oleh Noam Chomsky (1981) bagi memperbaiki masalah yang berlaku dalam Rumus Struktur Frasa (RSF). Menurut Amir Hatin & Nasrun Alias (2018), Mashudi Kader (1986) merupakan pelopor teori ini di Malaysia. Menurutnya lagi, Teori Ubah Alfa bersifat lebih terkawal berbanding RSF dan setiap pergerakan nodus dalam sesebuah ayat itu haruslah bersandarkan alasan yang telah ditetapkan. Pendekatan ini telah digunakan bagi menganalisis struktur ayat perintah yang terdapat dalam novel *Sejambak Bakti*.

Teori atau pendekatan kajian adalah satu aspek yang perlu dititikberatkan. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap kajian memerlukan panduan yang tertentu bagi mendapatkan hasil kajian yang intelektual. Teori kajian yang lebih moden dan sesuai telah dipilih untuk digunakan dalam menganalisis struktur ayat. Dalam teori ini, terdapat empat syarat penting yang perlu dipatuhi (Chomsky, 1981) dalam Nasrun Alias dan Nurul Syuhada Mohd Noh (2021). Empat syarat penting tersebut adalah seperti berikut:

1. Tidak ada perubahan ke posisi komplemen, iaitu tiada pergerakan ke posisi kanan ayat, sebaliknya hanya pergerakan ke posisi kiri ayat sahaja yang dibenarkan.

2. Hanya X^0 sahaja yang boleh berubah posisi kepala.
3. Hanya projeksi maksimal (X'') yang boleh berubah ke posisi spesifik.
4. Hanya projeksi maksimal (X'') dan projeksi minimal (X^0) boleh menjalani rumus ubah alfa.

Pematuhan syarat-syarat penting Ubah Alfa ini adalah untuk membolehkan sesebuah ayat yang bersifat gramatis terhasil. Pematuhan ini penting untuk memenuhi syarat Tapisan Kasus. Syarat Tapisan Kasus ini juga dikenalkan oleh Chomsky pada 1981 seperti yang berikut:

*FN, jika FN mempunyai pewujudan fonetik tetapi tidak mempunyai kasus.


Penyataan di atas menunjukkan bahawa sesuatu ayat itu tidak bersifat gramatis, sekiranya struktur luaran bagi ayat tersebut mempunyai frasa nama (FN) yang tidak ditandakan kasus. Hal ini bermakna, semua FN yang jelas dan ketara dari segi pewujudan fonetiknya pada peringkat struktur luaran wajib menerima atau ditandakan kasusnya supaya ayat yang gramatis dapat dihasilkan. Oleh itu, untuk menghasilkan ayat yang gramatis, FN yang berada pada peringkat struktur dalaman perlu bergerak ke posisi lain untuk menerima kasusnya. Proses pergerakan ini merujuk kepada transformasi Ubah Alfa (Ubah- α). Selain itu, pergerakan ini haruslah memenuhi syarat Ubah Alfa yang telah ditetapkan.

DAPATAN KAJIAN

Penyelidikan yang mantap memerlukan tujuan kajian yang tertentu. Hal ini dapat membantu pengkaji untuk menjalankan kajian yang tidak tersimpang daripada tujuan dan objektif kajian yang telah dirancang. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis ayat dengan melihat taburan kekerapan jenis ayat dan menganalisis struktur jenis ayat yang terdapat dalam novel *Sejambak Bakti* karya Rejab F.I.

Taburan Jenis Ayat Dalam Novel *Sejambak Bakti*

Taburan atau kekerapan ayat perlu dikira bagi mengenal pasti jenis ayat yang manakah yang paling banyak atau jenis ayat yang manakah yang paling sedikit digunakan oleh penulis novel. Dalam bahagian ini, pengkaji telah mengira kekerapan bagi setiap jenis ayat yang terdapat dalam beberapa bahagian novel *Sejambak Bakti*. Kekerapan bagi setiap jenis ayat adalah berbeza. Kekerapan ayat tersebut dipaparkan dengan menggunakan gaya peratusan. Di samping itu, pengkaji akan memaparkan kekerapan jenis ayat dengan menggunakan carta pai. Berikut merupakan carta pai yang menunjukkan taburan atau kekerapan jenis ayat yang terdapat dalam novel *Sejambak Bakti*.



Rajah 3.1. Taburan jenis ayat dalam novel Sejambak Bakti

Daripada lima muka surat yang dikumpul di bahagian awal, tengah dan akhir novel, didapati bahawa terdapat 259 ayat yang telah ditemui. Melalui analisis tersebut, ayat penyata mendominasi novel *Sejambak Bakti*. Dalam carta yang telah dipaparkan, dapat dilihat bahawa 84.17% yang mewakili 218 ayat penyata dalam novel tersebut. Di samping itu, dapat dilihat dalam carta pai tersebut bahawa jenis ayat yang menduduki kedua terbanyak adalah jenis ayat perintah iaitu sebanyak 6.18%. Peratusan tersebut mewakili sebanyak 16 ayat perintah yang terdapat dalam bahagian novel yang dikaji. Ayat yang menduduki tangga ketiga merupakan ayat tanya dengan peratusan yang tidak jauh beza dengan ayat perintah iaitu sebanyak 5.79%. peratusan tersebut mewakili sebanyak 15 ayat tanya dalam bahagian novel yang dikaji. Seterusnya, berdasarkan data yang telah dipaparkan tersebut dapat disimpulkan bahawa ayat seruan merupakan ayat yang mempunyai nilai paling sedikit dalam bahagian novel yang dikaji iaitu sebanyak 3.86% iaitu mewakili sebanyak 10 ayat seruan.

Meneliti dapatan kajian yang diperolehi, antara contoh ayat bagi ayat penyata adalah 'Cikgu Syamsudin **meluahkan** rasa simpatinya.', 'Pak Ramli **mengganggu** dan **menundukkan** kepalanya.' dan juga 'Ternyata penghuninya amat mementingkan kebersihan dan keindahannya.'. Daripada 218 ayat penyata yang telah dijumpai, terdapat juga beberapa pengkelasan di bawahnya iaitu ayat penyata aktif, ayat penyata pasif dan juga ayat penyata majmuk campuran. Sebanyak 148 ayat penyata aktif yang terdapat dalam kajian ini. Ayat penyata aktif merupakan ayat yang mengandungi kata kerja aktif. Antara contoh ayat bagi ayat penyata aktif adalah 'Para pelajar berduyun-duyun menuju ke sekolah.', 'Cikgu Saiful mengakhiri penerangannya.' dan juga Pak Ramli memandang Encik Ali dan Cikgu Syamsudin.' Di samping itu, ayat penyata pasif telah dijumpai sebanyak 52 ayat di dalam bahagian yang dikaji. Ayat penyata pasif merupakan ayat yang mengandungi kata kerja pasif dalam ayat seperti kata kerja yang mempunyai imbuhan 'di-', 'ter-', 'ber-' dan juga 'ke-...-an'.

Antara contoh ayat bagi ayat penyata pasif adalah 'Tegur Cikgu Saiful dengan perasaan kesal.', dan juga 'Hanya itu kata-kata yang dapat diluahkan.'. Di samping itu, ayat penyata majmuk campuran menduduki tangga terbawah dalam jenis ayat penyata. Hal ini dikatakan

demikian kerana, tidak banyak ayat penyata majmuk campuran yang terdapat dalam bahagian novel yang dikaji. Hanya terdapat 18 ayat sahaja bagi ayat majmuk campuran. Ayat penyata majmuk campuran ini merupakan ayat gabungan bagi ayat aktif dan ayat pasif. Konsep majmuk campuran ini adalah konsep yang baharu dalam kajian ini dan ianya tidak sama dengan konsep majmuk campuran yang terdapat dalam Tatabahasa Dewan. Antara contoh bagi ayat penyata majmuk campuran tersebut adalah iaitu ‘Pembantu kedai koperasi itu digaji khas untuk menguruskan kedai tersebut.’, ‘Kata Cikgu Saiful, mendenda Munir.’, dan juga ‘Razali tercengang dan kehairanan.’

Bagi jenis ayat yang kedua iaitu ayat perintah telah menunjukkan peratusan sebanyak 6.18% mewakili 16 ayat dalam bahagian kajian. Ayat perintah ini mempunyai empat jenis iaitu ayat perintah suruhan, ayat perintah permintaan, ayat perintah silaan dan juga ayat perintah larangan. Daripada 16 ayat tersebut, enam daripadanya adalah ayat perintah jenis suruhan. Antara contoh ayat bagi ayat perintah suruhan adalah “Sekarang **salinlah** contoh prinsip akaun yang cikgu tulis di papan hitam tu kemudian **buatlah** soalan-soalan yang cikgu tetapkan dalam buku Ilmu Perdagangan sebagai kerja rumah.”, “**Tulis** sehingga selesai baru boleh pulang!”, dan juga “Kita **mesti awasi** betul-betul setiap tindak-tanduk pembeli itu.”. Di samping itu, hanya terdapat dua sahaja ayat perintah jenis permintaan daripada keseluruhan 16 ayat perintah. Contoh bagi ayat perintah jenis permintaan adalah “**Tolonglah** kami.” Dan “**Maafkan** ayah, Razali...”. Selain itu, terdapat empat ayat perintah jenis silaan yang terdapat dalam bahagian kajian novel tersebut. Antara contoh ayat tersebut adalah ‘Kalau dah hendak sangat tu, **jemputlah**.’, “**Jemput, jemputlah** naik.”, dan juga “Norlela juga **dijemput** sama pada mesyuarat petang ini.”. Jenis ayat perintah yang terakhir iaitu ayat perintah jenis larangan hanya mendapat empat bahagian daripada keseluruhan ayat perintah tersebut. Antara contoh ayat perintah jenis larangan adalah “Kawan, **janganlah** buat begitu.”, “**Jangan** mempermain-mainkan begitu, nanti marah pula Munir tu.”, dan juga “**Tak payah** masuklah makecik.”. Di samping itu, ayatperintah yang terdapat dalam bahagian kajian novel ini juga mempunyai ragam ayatnya iaitu ayat perintah aktif dan ayat perintah pasif. akan tetapi, hanya satu sahaja ayat perintah pasif yang ditemui iaitu ayat “Norlela juga **dijemput** sama pada mesyuarat petang ini.”. Jelaslah bahawa, ayat perintah yang terdapat dalam bahagian kajian ini adalah sebanyak 16 ayat dan ianya dikelaskan dengan jenisnya iaitu jenis ayat suruhan, ayat permintaan, ayat silaan dan juga ayat larangan.

Seterusnya, ayat yang kedua sedikit dalam bahagian novel yang dikaji adalah ayat tanya iaitu sebanyak 5.79% iaitu mewakili sebanyak 15 buah ayat tanya dalam bahagian novel yang dikaji. Antara contoh ayat bagi ayat tanya adalah “Surat **apa**, ni cikgu?”, “Macam **mana** Razali, boleh?” dan juga “Jadi, Pak Ramli inilah ayah Razali?”. Selain itu, penganalisan yang telah dilakukan dalam kajian ini menemui tiga jenis ayat tanya, iaitu ayat tanya dengan kata tanya, ayat tanya dengan partikel tanya dan juga ayat tanya tanpa kata tanya. Dalam 15 ayat tanya yang dikumpul, terdapat tujuh ayat tanya yang merupakan jenis ayat tanya dengan kata tanya. Antara contoh bagi ayat tanya dengan kata tanya adalah “Pukul **berapa** kau orang nak datang ke rumah aku tu?”, “Surat **apa**, ni cikgu?” dan juga “Pukul **berapa**, Devi?”. Selain itu, terdapat satu ayat jenis ayat tanya dengan partikel tanya telah didapati di dalam data iaitu “**Bukankah** koperasi “itu cogan katanya, ‘Satu untuk Ramai dan Ramai untuk Satu?’”.

Penemuan yang ketiga pula adalah jenis ayat tanya tanpa kata tanya iaitu sebanyak tujuh ayat daripada 15 ayat tanya yang telah ditemui. Contoh bagi ayat tersebut adalah “Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk tahun ni, tentu banyak cadangan yang hendak kita bincangkan, ya cikgu?”, “Jadi, Pak Ramli inilah ayah Razali?” dan juga “Selama tu, Pak Ramli tak pernah **berjumpa** dengan Razali, anak Pak Ramli yang sulung tu?”. Tidak ketinggalan juga, pencarian data tersebut juga telah menemukan ayat tanya yang berunsurkan ayat minimal. Terdapat tiga ayat tanya yang merupakan ayat minimal iaitu “Boleh?”, “Begitu?” dan juga “Ayah???”.

Menurut Nik Safiah Karim et al. (2008), ayat minimal merupakan ayat yang telah mengalami pengguguran pada bahagian yang tertentu kerana dipengaruhi oleh bahasa lisan. Ayat tanya minimal yang terdapat dalam novel tersebut juga ditulis oleh penulis kerana dipengaruhi oleh bahasa lisan. Hal ini dikatakan demikian kerana, ayat tanya minimal tersebut ditulis oleh penulis novel bentuk dialog. Oleh itu, jelaslah bahawa ayat tanya dalam bahagian yang dikaji telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu ayat tanya dengan kata tanya sebanyak tujuh ayat, ayat tanya dengan partikel tanya sebanyak satu ayat dan juga ayat tanya tanpa kata tanya sebanyak tujuh ayat. Kesemua sekali ayat tanya yang terdapat dalam kajian ini adalah sebanyak 15 ayat dan terdapat dua ayat minimal yang telah dijumpai.

Merujuk kepada data yang seterusnya, terdapat satu jenis ayat lagi yang dijumpai dalam novel *Sejambak Bakti* iaitu ayat seruan. Ayat jenis ini merupakan ayat yang paling sedikit kekerapannya. Peratusan ayat seruan adalah sebanyak 3.86% yang mewakili sebanyak 10 ayat sahaja. Tidak ada pengkelasan lain di bawah jenis ayat seruan. Antara contoh ayat seruan tersebut adalah “**Eh**, kawan!”, “**Hm**, Rozita pun ada!” dan juga “**Ya**, Ayahmu nak!”. Melalui analisis ini, tidak banyak ayat seruan yang didapati dalam novel *Sejambak Bakti*.

Daripada keseluruhan data yang diperolehi, dapatlah dikatakan bahawa data tersebut menunjukkan terdapat 259 ayat yang telah dijumpai dalam kajian yang dijalankan. Secara umumnya, ayat penyata merupakan ayat yang paling banyak dalam bahagian kajian, manakala ayat perintah merupakan ayat yang kedua terbanyak dalam 259 ayat tersebut. Dapatan kajian ini juga mendapati bahawa ayat tanya merupakan ayat kedua sedikit dan ayat seruan merupakan ayat yang paling sedikit dalam bahagian kajian. 84.17% iaitu mewakili 218 ayat merupakan ayat penyata, manakala 6.18% iaitu sebanyak 16 ayat merupakan ayat perintah. Di samping itu, 5.79% iaitu sebanyak 15 ayat merupakan ayat tanya dan ayat yang paling sedikit iaitu ayat seruan adalah sebanyak 3.86% iaitu 10 ayat sahaja.


Analisis Struktur Ayat

Struktur ayat yang telah dikenalpasti dalam bab sebelum ini akan dianalisis menggunakan teori Ubah Alfa. Hal ini dikatakan demikian kerana, teori tersebut merupakan antara teori yang lebih moden berbanding Transformasi Generatif. Selain itu, analisis ayat yang dijalankan di dalam bab ini adalah berkaitan dengan proses transformasi yang berlaku dalam ayat yang dianalisis. Hal ini kerana, teori Ubah Alfa digunakan untuk mengenal pasti pergerakan yang berlaku. Akan tetapi, rajah pohon tidak digunakan dalam kajian ini sebaliknya penggunaan braket berlabel digunakan bagi meminimumkan penggunaan ruang penulisan. Dalam bahagian ini, struktur dalaman bagi setiap ayat juga akan dinyatakan dan ianya ditandai dengan SD (digunakan selepas ini).

Struktur Ayat Penyata Aktif

Struktur ayat penyata pasif dalam analisis ini dilihat bagi mengenal pasti pendepanan yang berlaku dalam ayat. Pendepanan yang berlaku dalam ayat penyata aktif yang terdapat dalam novel ini kebiasaannya adalah melibatkan adverb. Hal ini boleh dilihat dalam contoh di bawah:

1. “Petang ini kita adakan mesyuarat.”
SD: kita adakan mesyuarat petang ini.



Rajah 4.1. Braket Berlabel 1

Braket berlabel yang telah dipaparkan di atas menunjukkan pergerakan adverba dalam struktur dalaman ayat tersebut. dalam braket berlabel tersebut, *petang ini* menduduki nodus komp⁰, manakala *kita* menduduki nodus N” pada subjek ayat. Di samping itu, *adakan* menduduki nodus K’ dan *mesyuarat* menduduki nodus N” pada predikat ayat. Beralih kepada pergerakan Ubah Alfa, pergerakan adverba tersebut menuju ke komp⁰ bagi memaparkan adverba tersebut berada di awal ayat sebelum subjek. Pergerakan yang berlaku dalam braket berlabel tersebut telah mematuhi syarat pergerakan Ubah Alfa yang telah ditetapkan di mana hanya pergerakan ke posisi kiri ayat yang berlaku. Antara contoh ayat dalam novel yang mempunyai struktur yang hampir sama seperti ayat 1 tersebut adalah seperti berikut:

2. “Selaku pembantu kedai ini, Norlela patut tahu segala keputusan yang telah dibuat.”
3. Ketika itulah Munir mencuit pinggang seorang rakannya beberapa kali.
4. Ketika itu juga, Munir pura-pura sibuk menyalin contoh prinsip akaun dipapan hitam.
5. “Lepas itu saya mengambil Mak Sopiah menjadi isteri.”

Selain itu, terdapat juga beberapa ayat penyata yang tidak mengalami pergerakan Ubah Alfa. Hal ini dikatakan demikian kerana, ayat tersebut tidak mengalami proses transformasi. Antara contoh ayat tersebut adalah seperti berikut:

6. Cikgu Saiful mengucapkan terima kasih kembali.
SD: Cikgu Saiful mengucapkan terima kasih kembali.

[[Cikgu Saiful]N”[[[mengucapkan]K’[[terima kasih]N’[kembali]Adv]N”]K”]I’]I”

Rajah 4.2. Braket Berlabel 2

Berdasarkan braket berlabel di atas, ayat yang dianalisis tersebut adalah susunan biasa. *Cikgu Saiful* berada di bawah nodus N” iaitu sebagai subjek ayat, manakala predikat ayat tersebut adalah *mengucapkan terima kasih kembali* dan ayat tersebut berada di bawah nodus I’. Tidak ada sebarang Ubah Alfa ditandakan di dalam analisis tersebut. Hal ini kerana, struktur ayat tersebut tidak mengalami sebarang pergerakan ataupun perubahan. Selain itu, struktur ayat tersebut juga lengkap di mana terdapat subjek dan predikat dalam ayat tersebut. Struktur dalaman bagi ayat tersebut juga merupakan struktur ayat yang lengkap. Struktur ayat seperti ini juga terdapat dalam beberapa contoh ayat yang lain:

7. Matanya memandang ke arah Munir.
8. Semua pelajar keluar dari kelas masing-masing.
9. Ramlah ingin mendapat ketetapan daripada rakannya.


Struktur Ayat Penyata Pasif

Seperti yang dinyatakan dalam struktur ayat penyata aktif, perkara yang sama juga berlaku dalam struktur ayat penyata pasif di mana adverba dalam ayat tersebut mengalami pergerakan ke hadapan ayat. Pergerakan tersebut digambarkan dengan menggunakan teori Ubah Alfa.

10. Di perkarangan rumah ditanami pokok-pokok bunga.

SD: ditanami pokok-pokok bunga (oleh Mak Sopiiah- \emptyset) di perkarangan rumah

[[di perkarangan rumah]komp' iii [[ditanami]komp⁰ii [[pokok-pokok bunga]N''i



Rajah 4.3. Braket Berlabel 3

Berdasarkan braket berlabel di atas, dapat dilihat bahawa berlakunya pergerakan bagi nodus N'' Adverba dan juga K'' dalam struktur dalaman ayat tersebut. Ubah Alfa yang digunakan dalam braket berlabel tersebut menunjukkan pergerakan N'' *pokok-pokok bunga* ke N'' kosong subjek. Hal ini dikatakan demikian kerana ianya perlu mendapatkan kasus. Selain itu, frasa kerja *ditanami* telah bergerak ke posisi komp⁰ iaitu ruang selepas subjek. Seterusnya, pergerakan Adv terlihat dalam braket berlabel tersebut ke komp' supaya ianya berada di posisi awal ayat dalam struktur luaran. Hal seperti ini terjadi kerana nodus komplemen boleh berulang banyak kali di sebelah N'' subjek. Contoh ayat lain yang mempunyai struktur yang sama seperti ayat5 tersebut adalah seperti berikut:

11. Ketika itu, tiba-tiba terdengar bunyi pintu diketuk.

12. Ketika itu juga dia seolah-olah kebingungan.

Struktur Ayat Perintah yang Mengalami Pengguguran Subjek

Ayat perintah kebiasaannya dituturkan tanpa mengucapkan kata ganti nama diri orang kedua. Walaupun begitu, pendengar atau orang kedua tersebut pasti memahami dan menyedari perkara tersebut. Pengguguran frasa nama sebagai subjek dalam ayatperintah dapat dilihat dalam contoh ayat tersebut:

11. "Berubahlah,"

12. SD: (kamu- \emptyset) berubahlah
[[kosong]N'' [[berubahlah]K''I''I''

Rajah 4.4. Braket berlabel 4

Berdasarkan braket berlabel 4, pengguguran subjek telah berlaku dalam struktur ayat 8. Oleh itu, penganalisan struktur ayat ini menggunakan teori Ubah Alfa tidak dapat dilakukan. Selain itu, dapat kita lihat bahawa struktur dalaman bagi ayat tersebut adalah tidak berubah dengan struktur luaran ayat. Hal ini dikatakan demikian kerana, tidak berlakunya pergerakan dalam ayat tersebut. Selain itu, pengguguran Frasa Nama sebagai subjek bagi ayat perintah adalah kejadian yang biasa. Perkara seperti ini terjadi kerana pendengar iaitu orang kedua memahami maksud yang disampaikan oleh penutur. Oleh itu, pendengar tahu ayat perintah tersebut ditujukan kepada dirinya. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2008) dalam halaman 448, perintah dirujuk kepada orang kedua dengan menggunakan kata ganti nama orang kedua seperti *awak*, *kamu*, *engkau* dan sebagainya yang biasanya digugurkan. Antara contoh ayat perintah yang mengalami pengguguran subjek adalah seperti berikut:

13. "Tulis sehingga selesai baru boleh pulang!"
14. "Jangan mempermain-mainkan begitu, nanti marah pula Munir tu."
15. "Kalau dah hendak sangat tu, jemputlah."
16. "Jemput, jemputlah naik."

Struktur Ayat Tanya Minimal


Walaupun tidak mempunyai struktur yang lengkap pada struktur luaran, ayat minimal masih mempunyai struktur dasar yang lengkap. Ayat minimal sering digunakan dalam bahasa Melayu dalam konteks yang difahami oleh penutur dan pendengar. Perkara seperti ini juga berlaku dalam jenis ayat tanya. Antara contoh ayat minimal bagi ayat tanya adalah seperti berikut:

18. "Boleh?"

Berdasarkan ayat di atas, struktur dasarnya adalah lengkap. Hal ini kerana, struktur luar bagi ayat tersebut mengalami pengguguran. Hal ini dikatakan demikian kerana, ayat "Boleh?" tersebut merujuk kepada bolehkah Ramlah dan Seridevi membincangkan tentang tugas yang diberikan oleh cikgu dengan Razali. Namun begitu, kes ini sama dengan struktur ayat sebelum ini di mana berlaku pengguguran subjek dalam ayat. Selain itu, frasa kerja dalam predikat ayat juga mengalami pengguguran.

SD: Boleh [kami membincangkan tentang tugas dengan kau- \emptyset]?

[[boleh]komp⁰ i [[kosong]N" [[ti]I⁰ [kosong]K' [kosong]P [kosong]P]I'I"]komp'



Rajah 4.5. Braket Berlabel 5

Braket berlabel 5 menunjukkan struktur ayat tanya 13 yang mengalami pengguguran subjek dan sebahagian predikat. Selain itu, dapat kita lihat dalam braket berlabel tersebut berlakunya pergerakan ke kiri bagi nodus I⁰. Hal ini terjadi kerana kata bantu tersebut mengalami pendepanan sebelum subjek ayat yang telah digugurkan pada struktur luaran ayat. Proses pengguguran tersebut juga terjadi dalam ayat tanya minimal yang lain. Akan tetapi, tidak semua ayat tanya minimal dalam novel tersebut mengalami pergerakan Ubah Alfa. Contoh-contoh ayat minimal lain yang mengalami pengguguran adalah seperti berikut:

19. "Begitu?"
20. "Ayah???"

Struktur Ayat Tanya Dengan Partikel Tanya

Seperti yang kita ketahui, ayat tanya juga terdiri daripada ayat yang mempunyai partikel tanya. Ayat tanya jenis ini mengalami pendepanan daripada struktur dalamnya. Antara contoh ayat tanya dengan partikel tanya adalah seperti berikut:

21. Bukankah koperasi itu cogan katanya, ‘Satu untuk Ramai dan Ramai untuk Satu’?”

SD: koperasi itu bukan cogan katanya, ‘Satu untuk Ramai dan Ramai untuk Satu’

[[bukankah]komp⁰ i [[koperasi itu]N” [[ti]I⁰ [[[cogan katanya]N’[satu untuk ramai,



Ubah-a

dan ramai untuk satu]N’]N”K”]I’]I”]komp’

rajah 4. Braket Berlabel 6

Berdasarkan struktur ayat yang telah dianalisis di atas, terdapatnya pergerakan Ubah Alfa yang berlaku dalam ayat tersebut daripada struktur dalamannya. Antara item yang terlibat adalah item di bawah nodus I⁰. Ianya telah bergerak ke kiri sebelum subjek ayat dan meninggalkan tikas. Secara dasarnya, *bukankah* menduduki nodus komp⁰ sebelum subjek ayat iaitu *koperasi itu* yang menduduki nodus N”. Di samping itu, *cogan katanya* dan *satu untuk ramai, dan ramai untuk satu* masing-masing menduduki nodus N” di predikat ayat. Oleh itu, jelaslah terdapat pergerakan UbahAlfa yang terlibat dalam struktur ayat tersebut. Pergerakan tersebut mematuhi syarat Ubah Alfa iaitu pergerakan dari kanan ke kiri. Akan tetapi, hanya satu ayat sahaja dalam novel ini yang mempunyai struktur seperti di atas.

Struktur Ayat Tanya dengan Kata Ganti Nama Diri Tanya

Menurut Nik Safiah Karim et al. (2008) halaman 87, kata ganti nama diri tanya ialah jenis kata nama yang berfungsi menanyakan hal benda, perkara, atau manusia. Terdapat tiga bentuk kata ganti nama diri tanya iaitu *siapa* yang merujuk orang, *apa* yang merujuk benda atau perkara, dan *mana* yang merujuk kepada benda dan orang. Dalam novel *Sejambak Bakti*, terdapat beberapa ayat tanya yang menggunakan kata ganti nama diri tanya. Antara contoh ayat yang mempunyai kata ganti nama diri tanya adalah seperti berikut:

22. “Pukul berapa kau orang nak datang ke rumah aku tu?”

SD: kau orang datang ke rumah aku tu pukul berapa

[pukul berapa]komp⁰ i [[kau orang]N” [[[nak datang]K’ [ke rumah aku tu]P”



Ubah-a

Rajah 4.7. Braket Berlabel 7

Penganalisan struktur ayat di atas menunjukkan berlakunya pergerakan Ubah Alfa di mana sepatutnya *pukul berapa* yang menduduki nodus N” di predikat ayattelah bergerak ke kiri di nodus komp⁰. Komp⁰ tersebut berada di sebelah kiri sebelum subjek ayat. Selain itu, *kau orang* berada di bawah nodus N” subjek ayat, manakala *nak datang* dan *ke rumah aku tu* menduduki nodus K”. Pergerakan Ubah Alfa yang terlibat dalam braket berlabel tersebut telah mematuhi syarat Ubah Alfa yang telah ditetapkan. Antara contoh ayat lain yang mempunyai struktur ayat yang sama seperti di atas adalah seperti berikut:

23. “Ada hal apa cikgu suruh kami datang ke mari?”

Struktur Ayat Dengan Kata Bantu

Menurut Nik Safiah Krim et al. (2008) dalam halaman 258, kata bantu yang hadir sebelum frasa ialah sejenis perkataan yang mempunyai tugas untuk membantu frasa kerja, frasa adjektif dan juga frasa sendi nama. Tugas kata bantu ini adalah dengan menimbulkan makna tambahan dari segi aspek waktu atau ragam. Oleh hal yang demikian kata bantu dibahagikan kepada dua jenis iaitu kata bantu aspek dan kata bantu ragam. Kata bantu aspek menimbulkan suasana perbezaan masa, manakala kata bantu ragam merupakan kata bantu yang menerangkan ragam perasaan yang berkait dengan perbuatan yang dilakukan. Contoh ayat yang mempunyai kata bantu adalah seperti berikut:

24. Ramlah ingin mendapat ketetapan daripada rakannya.
SD: Ramlah ingin mendapat ketetapan daripada rakannya

[[Ramlah]N” [[ingin]I⁰ [mendapat]K’ [[ketetapan]N’ [daripada rakannya]P]N”]I’]I”

Rajah 4.8. Braket Berlabel 8

Ayat 16 merupakan ayat yang mempunyai kata bantu ragam. Braket berlabel di atas menunjukkan tidak berlaku sebarang pergerakan. Oleh itu, Ubah Alfa tidak digunakan dalam struktur ayat tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, tidak terdapat sebarang pergerakan antara nodus yang ada dalam braket berlabel itu. Struktur dalaman dan struktur luaran ayat tersebut juga adalah tidak berubah. Struktur ayat tersebut juga adalah sama dengan struktur ayat di bawah:

25. “Kami akan datang, cikgu!”

26. “Kita mesti awasi betul-betul setiap tindak-tanduk pembeli itu.”

Akan tetapi, terdapat juga struktur ayat yang melibatkan kata bantu yang mempunyai pergerakan Ubah Alfa. Hal ini dapat dilihat dalam ayat berikut:

19. “Pada masa Razali berumur satu tahun saya telah bercerai dengan ibunya.”

SD: saya telah bercerai dengan ibunya pada masa Razali berumur satu tahun

[[pada masa Razali berumur satu tahun]komp⁰i [[saya]N'' [[telah]I⁰[bercerai]K'
↑
[dengan ibunya]P[ti]Adv]I'I'''] komp'

Ubah-a

Rajah 4.9. Braket Berlabel 9

Penelitian pada braket berlabel di atas memperlihatkan pergerakan adverba yang berlaku dalam struktur ayat yang mengandungi kata bantu. Kata bantu yang terdapat dalam ayat tersebut adalah kata bantu aspek iaitu kata *telah*. Pergerakan adverba tersebut ditunjukkan dengan Ubah Alfa. Adverba tersebut merupakan adverba di bawah nodus Adv dan bergerak ke nodus komp⁰. Hal ini dikatakan demikian kerana, pada struktur dalaman, ayat tersebut mempunyai adverba di belakang ayat. Setelah mengalami perubahan Ubah Alfa, adverba tersebut berada di hadapan ayat. Struktur ayat di atas juga menyerupai dengan struktur ayat di bawah:

20. Meskipun didesak dan disindir, senyuman masih juga terukir di bibir.

Struktur Ayat Pasif dengan Pengguguran Subjek

Dalam novel *Sejambak Bakti*, penulis novel tersebut dilihat selalu menggunakan ayat pasif dengan pengguguran subjek dalam ayat. Contoh bagi ayat tersebut adalah seperti berikut:

19. Desak Saridevi.

SD: didesak (Razali- \emptyset) (oleh- \emptyset) Saridevi.

[[kosong]N''[[[desak]K'[Saridevi]N''K''']I'I''

Rajah 4.10. Braket Berlabel 10

Seperti yang sudah dinyatakan dalam struktur ayat sebelum ini, proses Ubah Alfa tidak dapat dijalankan ke atas struktur ayat bagi Braket Berlabel 7. Hal ini demikian kerana, ayat tersebut tidak mempunyai subjek ayat. Hal ini secara langsung menyebabkan pergerakan Ubah Alfa tidak dapat ditunjukkan. Analisis yang dibuat hanya boleh menunjukkan bahawa ayat pasif tersebut mempunyai struktur dalaman yang bersifat pasif juga. Perkara seperti ini juga boleh dilihat dalam ayat-ayat yang berikut:

20. Jawab Razali.

21. Sampuk Rozita.

22. Kata Ramlah.

23. Tanya Razali.

24. Tegass Ramlah.

Oleh itu, jelaslah bahawa penulis novel *Sejambak Bakti* gemar menggugurkan subjek yang terdapat dalam ayat pasif yang melibatkan orang ketiga. Di samping itu, penelitian tersebut menemukan bahawa penulis novel tersebut gemar menggugurkan imbuhan 'di-' dan *oleh* bagi ayat pasif yang melibatkan orang ketiga.

Struktur Ayat Majmuk

Terdapat banyak penggunaan ayat majmuk dalam novel *Sejambak Bakti*. Penggunaan ayat majmuk tersebut termasuklah ayat majmuk aktif, ayat majmuk pasif dan juga campuran ayat aktif dan ayat pasif. Oleh hal yang demikian, penganalisan ini diteruskan lagi dengan menganalisis struktur ayat majmuk. Contoh ayat majmuk adalah seperti berikut:

19. Pelajar tadi mengangguk dan tersipu-sipu malu.

SD A1: pelajar tadi mengangguk

SD A2: dan (pelajar tadi – \emptyset) tersipu-sipu malu

[[pelajar tadi]N” [[mengangguk]K”]I’]I” A1

[dan]KH [kosong]N” [tersipu-sipu]K’ [malu]Adv A2

Rajah 4.11. Braket Berlabel 11

Penelitian terhadap struktur ayat di atas mendapati bahawa pengguguran yang berlaku adalah melibatkan subjek ayat yang kedua. Hal ini dikatakan demikian kerana, kedua-dua ayat tersebut menggunakan frasa nama sebagai subjek yang serupa. Hal ini sering terjadi pada ayat majmuk. Walau bagaimanapun, tiada pergerakan Ubah Alfa yang terlibat dalam struktur ayat ini. Antara ayat lain yang mempunyai struktur ayat yang sama dengan ayat di atas adalah seperti berikut:

20. Dia membawa sebuah fail, berjalan menuju ke arah mereka.

21. Dia membuka fail dan mengeluarkan beberapa keping surat.

22. Rozita mencuit Ramlah dan memuncungkan mulutnya ke arah Munir.

23. Rumah itu sebuah rumah kayu berbumbung panjang.

24. Mereka membunyikan loceng basikal beberapa kali sambil memberi salam.

25. Pak Ramli mengangguk dan menundukkan kepalanya.

Dalam contoh ayat-ayat di atas menunjukkan ayat majmuk. Akan tetapi, terdapat ayat majmuk yang tidak menggunakan kata hubung seperti *dan*, *atau*, *tetapi* dan sebagainya. Malah, ayat tersebut menggunakan tanda koma untuk menghubungkan ayat yang pertama dan ayat kedua menjadi sebuah ayat majmuk. Jelaslah bahawa, penulis novel tersebut juga gemar menggunakan ayat majmuk dalam penulisannya.

Penelitian yang dilakukan bagi kesebelas-sebelas struktur ayat tersebut menunjukkan bahawa terdapat pelbagai jenis struktur ayat yang ada dalam novel *Sejambak Bakti*. Hasil daripada analisis tersebut juga menunjukkan bahawa penulis novel *Sejambak Bakti* gemar menggunakan pendepanan adverba dalam ayat. Selain itu, analisis struktur ayat ini juga menggambarkan penulis sering melakukan pengguguran subjek bagi ayat perintah dan pengguguran beberapa bahagian predikat bagi ayat tanya sehingga menjadikan ayat tanya tersebut ayat minimal. Di samping itu, analisis struktur ayat yang dilakukan tersebut juga menemukan penggunaan kata bantu dalam ayat-ayat yang ditulis oleh penulis novel. Selain itu, penulis novel *Sejambak Bakti* juga gemar menggunakan ayat pasif yang mengalami pengguguran frasa nama sebagai subjek ayat. Oleh kerana berlaku pengguguran subjek, maka pergerakan Ubah Alfa tidak dapat dilakukan dalam struktur ayat tersebut. Ini terjadi apabila struktur dalaman ayat dasar tersebut tidak mempunyai frasa nama sebagai subjek ayat.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, secara keseluruhannya kajian yang dijalankan ini merupakan sebuah kajian yang memfokuskan tentang struktur ayat berdasarkan analisis teori Ubah Alfa. Pada permulaan kajian ini dilakukan dengan mengenal pasti taburan jenis-jenis ayat yang terdapat dalam novel *Sejambak Bakti*. Taburan jenis ayat dalam novel ini mewakili empat jenis ayat iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan juga ayat seruan. Keempat-empat jenis ayat ini mempunyai taburan yang berbeza. Hasil daripada kajian tersebut mendapati bahawa taburan jenis ayat yang paling banyak adalah jenis ayat penyata, manakala taburan jenis ayat yang paling sedikit adalah jenis ayat seruan. Selain itu, ayat perintah merupakan jenis ayat yang kedua banyak, manakala jenis ayat tanya merupakan jenis ayat yang kedua sedikit dalam novel *Sejambak Bakti*. Hal ini secara langsung dapat menyimpulkan bahawa penulis novel tersebut amat gemar menggunakan ayat penyata dalam penulisannya dan perkara seperti ini dapat diramal.

Dalam bahagian analisis struktur ayat pula mempamerkan beberapa struktur ayat yang dianalisis menggunakan teori Ubah Alfa. Teori Ubah Alfa tersebut diaplikasikan bagi mengenal pasti pergerakan yang berlaku dalam struktur ayat. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa struktur ayat yang tidak boleh diaplikasikan teori Ubah Alfa. Hal ini demikian kerana, ayat yang dianalisis tersebut telah mengalami pengguguran subjek. Oleh itu, pergerakan Ubah Alfa tidak dapat dilakukan dalam struktur ayat tersebut. Terdapat banyak ayat yang mengalami pengguguran frasa nama sebagai subjek. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa penulis novel *Sejambak Bakti* gemar menggugurkan frasa nama sebagai subjek ayat. Selain itu, penulis novel tersebut juga gemar melakukan pendepanan adverbial dalam beberapa ayat. Jelaslah bahawa, ayat-ayat dalam novel *Sejambak Bakti* telah dianalisis dengan menggunakan teori Ubah Alfa dan penganalisan ini melengkapkan objektif kajian yang telah ditetapkan.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan, Seri Lanang Jaya rohani, Razali Ayob & Zulkifli Osman. 2006. *Sintaksis Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Saridah Hamid. Kuala Lumpur: Pts Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Ahmad Khair Mohd Nor. 2003. *Pengantar Sintaksis Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Amir Hatin & Nasrun Alias. 2018. Struktur Pasif dalam Hikayat Hang Tuah: Kajian Berdasarkan Teori Ubah Alfa. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2 (4), 1-15
- Asmah Hj. Omar. 2008. *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2015. *Nahu Melayu Mutakhir Ed. Kelima*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cahyo. H. 2018. Kajian Sintaksis Pada Novel Sang Pencuri Warna Karya Yersita. *Jurnal Pendidikan Edutama*, 5 (2), 19-30.
- Chomsky, N. 1981. *Lectures in Government and Binding*. Dordrecht: Foris Publication.
- Hanis Nadiah Mohd Rasydan. 2021. Analisis Struktur Ayat Songsang Dalam Novel Salina Karya A. Samad Said. *Tesis Ijazah Sarjana Muda Sastera yang tidak diterbitkan*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kartini Abd Wahab. 2013. Tinjauan Pembentukan Struktur Pasif di- Berdasarkan Tiga Pendekatan Tata Bahasa Generatif. *Jurnal Melayu*, 11(1), 30-50.

- M. Syahrudin Efendi. 2012. Linguistik Sebagai Ilmu Bahasa. *Jurnal Perspektif Pendidikan*, 5 (1), 97-101
- Mashudi Kader. 1986. Aspek-Aspek Sintaksis di dalam Bahasa Melayu Tinggi: Teori dan Penerapan. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. 2016. Gaya ujaran dalam teks kesusasteraan Melayu. *Jurnal Komunikasi*, 32 (2), 341-361.
- Mohd Khairul Adenan, Florence Gilliam Kayad & Muhammad Zaid Daud. 2018. Analisis Stilistik Melalui Penggunaan Bahasa dalam Novel Sastera Indie: Karya Azwar Kamaruzaman. *Jurnal Kesidang*, 3, 106-121.
- Nasrun Alias & Rusydiah Abd Salam. 2019. Kata Darjah dan Kata Penguat dalam Dialek Kelantan. *Jurnal Akademika* 89 (Isu Khas), 93-107.
- Nasrun Alias & Nurul Syuhada Mohd. Noh. 2021. Analisis Ayat Songsang dalam Filem *Seniman Bujang Lapuk* Berdasarkan Teori Ubah Alfa. *Jurnal Melayu, Isu Khas Disember*, 543-560.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2008. *Tatabahasa Dewan Ed. Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norfazila Ab. Hamid. 2014. Polisemi kata hubung ‘dengan’ dalam novel Salina karya A. Samad Said: satu analisis dari sudut Teori Relevan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 1 (1), 1-18.
- Norhidayu Hasan & Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2017. Kiasan dalam Novel “Cinta Sang Ratu” dari sudut Pragmatik. *Jurnal Kesidang*, 2 (1), 31-44.
- Rejab F.I. 2016. *Sejambak Bakti*. Komponen Sastera (KOMSAS Ting. 1). Kementerian Pelajaran Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Farida Salleh, Yazid Yahya, Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud. 2020. Analisis Semantik Leksikal dalam Novel Sangkar Karya Samsiah Mohd. Nor. *Asian People Journal*, 3 (1), 45-63.
- Siti Khariah Mohd Zubir & Nur Denna Samsudin. 2016. Analisis Watak dan Perwatakan dalam Novel *Sejambak Bakti* Karya Rejab FI. *Proceeding of ICECERS*, hlm. 73-80.
- Siti Mahani, Hasnah Mohammad & Raja Masittah. 2014. Ayat perintah dalam novel *Kabus di Perbukitan*. *Jurnal Linguistik*, 18 (2), 19-29.
- Siti Salbiah Alias et al. 2017. Makna Ayat Tanya dalam Novel *Lentera Mustika*. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 4 (2), 192-205.
- Sugiyono. 2013. *Metode Penelitian Kuantitatif, Kualitatif dan R&D*. Bandung: Alfabeta.
- Sulaiman Masri. 2005. *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan Esei, Proposal dan Tesis: Utusan Publication*.
- Webber, J. J. 1989. *The Stylistics Reader*. London: Arnold.
- Zamri Mahamod & Yahya Othman. 2016. *Penulisan Akademik dalam Bidang Sains Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Biodata Penulis:

Rusydiah Abd Salam merupakan pelajar doktor falsafah program bahasa Melayu di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang penelitian beliau ialah morfologi, sintaksis dan dialek Melayu.

Hani Munirah binti Mohd Subehi adalah bekas pelajar Program Bahasa Melayu, Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nasrun bin Alias merupakan pensyarah di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau adalah morfologi, sintaksis dan dialek Melayu.